



KEMENTERIAN KEWANGAN

PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 8 TAHUN 2011

KEMUDAHAN KAD NAMA

TUJUAN

Tujuan Pekeliling ini adalah untuk menetapkan peraturan berhubung kemudahan Kad Nama kepada Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Kementerian/ Jabatan Persekutuan.

LATAR BELAKANG

2. Pada masa ini, kemudahan Kad Nama ditetapkan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1994 (PP 9/1994). Selaras dengan keadaan semasa, Perbendaharaan bersetuju supaya PP 9/1994 disemak semula.

PERATURAN PEMBERIAN KAD NAMA

3. Kemudahan Kad Nama ini boleh disediakan oleh Kementerian/ Jabatan kepada pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional sahaja.

4. Maklumat yang perlu ada pada Kad Nama adalah seperti berikut:

- i. nama pegawai;
- ii. jawatan pegawai;
- iii. nama dan alamat kementerian/ jabatan/ agensi;
- iv. nombor telefon, faks dan emel pejabat; dan
- v. maklumat-maklumat lain yang perlu.

5. Kadar kos percetakan Kad Nama adalah maksimum RM1.00 sekeping.
6. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan perkara berikut:
 - i. menentukan keperluan bilangan penyediaan Kad Nama kepada pegawai yang layak supaya bersesuaian dengan tugas pegawai. Walau bagaimanapun, Ketua Jabatan perlu membuat kawalan bagi mengelak berlakunya pembaziran;
 - ii. menentukan rekabentuk Kad Nama yang bersesuaian; dan
 - iii. sedapat yang boleh membuat tempahan Kad Nama secara pukal supaya lebih menjimatkan.

PEMAKAIAN PEKELILING


7. Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing.

TARIKH KUAT KUASA

8. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMBATALAN

9. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1994 adalah dibatalkan.



(Tan Sri Dr. Wan Abd. Aziz Wan Abdullah)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya

26 Ogos 2011

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara
Akauntan Negara Malaysia
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan